

12 APR 2000

Kadir-al Sabah

KUWAIT MINAT ERATKAN HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA

Oleh: Muammar Kamarudin

MANAMA, 12 April (Bernama) -- Kuwait menampakkan kesungguhannya untuk mengeratkan hubungan dua hala yang sedia ada dengan Malaysia, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini.

"Saya dapati Kuwait memang berminat sangat untuk meningkatkan hubungan dengan Malaysia," katanya kepada Bernama di ibu negara Bahrain (Manama) selepas melawat Kuwait dua hari lepas.

Abdul Kadir berkata hasrat Kuwait itu nyata semasa kunjungan hormat beliau menemui Timbalan Perdana Menteri Pertama Kuwait, Sheikh Sabah Al Ahmad Al-Sabah yang juga menteri luar, dan Menteri Penerangan Kuwait Dr Saad Mohammed Teflah Al Ajmi, semalam.

Dalam pertemuan itu, Abdul Kadir berkata beliau telah mengingatkan Sheikh Sabah bahawa kesemua Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang terdahulu telah melawat Kuwait, juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, beliau berkata Malaysia sudah lama tidak menerima lawatan rasmi daripada para pemimpin tertinggi Kuwait.

Abdul Kadir berkata: " Saya yakin mereka akan perbaiki keadaan ini."

Menerusi pertemuan semalam, beliau berkata pemimpin Kuwait sedar bahawa mereka perlu meningkatkan hubungan dengan Malaysia, salah satunya menerusi lawatan pemimpin-pemimpinnya.

Sheikh Sabah juga memberi penjelasan bahawa penderitaan yang dialami oleh rakyat Iraq sebenarnya tidaklah seperti yang digambarkan.

Bagaimanapun, Abdul Kadir berkata Malaysia hanya menitikberatkan penderitaan di kalangan rakyat biasa Iraq yang hidup terseksa di bawah sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas Iraq.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata beberapa perkara seperti penerbangan terus dari Kuwait ke Kuala Lumpur dan sebaliknya perlu dibincangkan.

Pada masa ini, pelancong yang ingin ke Kuwait atau Malaysia dan sebaliknya perlu mengambil transit di Jeddah, Saudi Arabia atau Dubai, Emieriah Arab Bersatu.

Abdul Kadir juga telah mengadakan perbincangan dengan Kuwait Airways yang diwakili oleh Ketua Pengarahnya Talal M.A. Al-Ahmed dan Pengerusi/Pengarah Urusan Ahmed F. Al-Zabin pada Selasa berkaitan cadangan untuk mengadakan penerbangan terus antara kedua-dua negara itu.

Abdul Kadir turut mengadakan perbincangan dengan Pengarah Jabatan Penerbangan Awam Kuwait Yaqoub Al-Sager dan timbalannya Fawaz A. Al-Farah untuk membincangkan perkara itu.

Semasa pertemuannya dengan Yaqoub, Abdul Kadir berkata kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan perjanjian penerbangan yang baru secepat mungkin agar sesuai dengan keadaan semasa.

Beliau berkata penerbangan terus mungkin akan dikendalikan oleh sama ada Penerbangan Malaysia (MAS) atau Kuwait Airways, atau usahasama antara kedua-dua syarikat terbabit.

Abdul Kadir mengetuai misi promosi pelancongan ke Asia Barat yang di sertai oleh Exco-exco pelancongan dari negeri Kelantan, Terengganu, Melaka dan Perlis serta pegawai-pegawai daripada kementeriannya dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Misi tersebut telah melawat Arab Saudi dan Kuwait, dan kini berada di Bahrain sebelum bertolak ke Qatar, Oman, Mesir dan Emiriyah Arab Bersatu selepas ini.

-- BERNAMA

MK RI